

13 AUG 2003

Kadir-perarakan

PERARAKAN HARI KEBANGSAAN KALI INI PALING SIMBOLIK, MENTERI PELANCONGAN

PUTRAJAYA, 13 Ogos (Bernama) -- Perarakan Hari Kebangsaan yang akan diadakan di sini hujung bulan ini, boleh dianggap sebagai acara paling simbolik pernah diadakan, iaitu menjelang persaraan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri, kata Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Beliau berkata ia juga adalah suatu hari yang boleh dianggap bersejarah kerana ia bagaikan hari pelancaran Putrajaya itu sendiri.

Katanya beliau menjangka lebih 300,000 orang akan membanjiri kawasan "Boulevard" di Presint 3, di mana perarakan besar-besaran akan diadakan pada 31 Ogos ini bermula dari pukul 8.30 pagi.

"Ia perarakan yang pertama kali diadakan di Putrajaya, (dan) perarakan perpisahan kepada Dr Mahathir," katanya kepada pemberita ketika membuat lawatan ke "Boulevard" bagi meninjau persiapan upacara perarakan Hari Kemerdekaan.

Menteri itu turut memberi jaminan bahawa perarakan Hari Kebangsaan kali ini adalah luarbiasa berbanding perarakan sebelum ini kerana ia akan mempamerkan kejayaan negara dan kejayaan pemerintahan dalam era Dr Mahathir dari 1981 hingga 2003.

Abdul Kadir berkata tema sambutan Hari Kebangsaan tahun ini ialah "Keragaman Malaysia - Pembangunan 1981 - 2003 Malaysia", dan menurutnya kereta-kereta berhias yang menyertai perarakan akan berusaha menonjolkan pencapaian negara dalam berbagai bidang secara simbolik melalui hiasan mereka.

"Saya sungguh yakin ini merupakan perarakan luarbiasa dan bersejarah dan saya harap rakyat daripada Selangor, Perak, Negeri Sembilan dan lain-lain negeri untuk datang awal pagi lagi. Saya syorkan orang ramai untuk datang awal, pukul 7.30 pagi lagi semua sudah ada di sini," kata Menteri itu.

Menurut beliau, banyak tempat letak kereta yang luas disediakan, sementara anggota polis berada di tempat-tempat strategik untuk memandu orang-ramai ke kawasan perarakan.

Katanya, beliau telah diberi jaminan oleh para kontraktor projek bahawa kawasan Boulevard akan disiapkan selewat-lewatnya seminggu sebelum hari perarakan.

"Saya sudah diberi jaminan bahawa tempat ini, yang mana saya sendiri bimbang keadaannya sekarang, tetapi mereka (para kontraktor) beri jaminan akan siap kerana mereka bekerja 24 jam. Insya Allah, boleh selesai seminggu sebelum 31 Ogos," katanya.

Abdul Kadir menganggarkan 12,000 peserta akan mengambil bahagian dalam perarakan itu dan mereka akan berusaha mempamerkan kejayaan negara dalam pelbagai bidang termasuk industri, pertanian, teknologi, pendidikan dan perpaduan masyarakat.

-- BERNAMA

RIZ AZH